



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA CIKGU MAD LAZIM  
GURU SEKOLAH AYER MERAH BUKIT BAKAR KELANTAN**

**OLEH:**

**NOR HIDAYAH BINTI LUDIN (2017275946)**

**WAN AGIA ARISSA BINTI WAN MHD JUNNID (2017275863)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
CAWANGAN KELANTAN BAGI MEMUNIHI KEPERLUAN KURSUS IMR 604-  
PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2018 - ..... )**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA CIKGU MAD LAZIM  
GURU SEKOLAH AYER MERAH BUKIT BAKOR KELANTAN**

**OLEH:**

**NOR HIDAYAH BINTI LUDIN (2017275946)**

**WAN AGIA ARISSA BINTI WAN MHD JUNNID (2017275863)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
CAWANGAN KELANTAN BAGI MEMUNIHI KEPERLUAN KURSUS IMR 604-  
PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2018 - ..... )**

# PENGHARGAAN

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim.....

Alhamdulillah, bersyukur ke atas ilahi dengan limpah rahmat serta nikmat masa, nyawa dan tenaga yang dikurniakan kepada kami dapat juga kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Pertama, kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah kami, Puan NurulAnissa Binti Abdullah kerana dengan tunjuk ajarnya serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk kami menyiapkan tugas ini dengan suksesnya.

Kami juga ingin mengucap terima kasih tidak terhingga kepada ibu bapa kami yang memberi kemudahan untuk menyiapkan kerja kursus ini. Mereka telah memberikan kami segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai kami Berjaya menghabiskan tugas ini.

Upacara penghargaan ini juga kami tujukan kepada rakan rakan yang banyak memberi perinatan terhadap setiap apa yang kami telah alpa. Mereka membantu kami dengan menjawab segala pertanyaan kami uterakan kepada mereka.

Akhir madah, kami mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam pembikinan kerja kursus ini. Terima kasih.

# ISI KANDUNGAN

## ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i-ii
Isi Kandungan.....	iii-iv
Abstrak.....	v-vi
Biodata Tokoh.....	vii-viii
Pengenalan.....	ix-x
Transkrip	
Bahagian A:	
Latar Belakang Tokoh.....	1-5
Bahagian B:	
Sejarah Pendidikan.....	6-7
Bahagian C:	
Pekerjaan Awal.....	8-12
Bahagian D: Maklumat Bangunan.....	13-39
Bahagian E: Lain-lain.....	40-41
Rujukan.....	42-43
Lampiran	
Log Wawancara.....	45-48
Diari Kajian.....	49-52
Senarai soalan.....	53-60
Surat Perjanjian.....	61-62
Gambar.....	63-64
Indeks.....	65-66

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama seorang Tokoh iaitu Mad Lazim Bin Haji Junuh iaitu bekas Guru-guru Sekolah Kebangsaan Ayer Merah. Transkrip ini menyetuh erba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman hidup beliau sepanjang beliau menjadi kerjaya guru dan juga tentang sejarah bangunan sekolah. Transkrip ini juga menceritakan tentang kerjaya beliau ketika membina bangunan tersebut. Temuramah berdasarkan beberapa ciri iaitu soalan Orientasi, Spesifik dan General.*

**Kata Kunci:** *Tokoh, pengalaman hidup, bangunan, Berjaya.*



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



Name : Mad Junus atapun Lazim bin Haji Haron

Age : 74 years

Date of Birth: 1994

Place of Birth: Kampung Ayer Merah

State : Kelantan

### **Education**

Primary Education: Sekolah Melayu Rakyat Ayer Merah

Secondary Education: Sekolah Kebangsaan Machang, Sekolah Kami Pasir Puteh

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Transkrip temubual ini adalah bersama Mohammad Junus @ Lazim bin Haji Haron dimana beliau merupakan bekas Guru di Sekolah Ayer Merah dan temubual ini berlangsung di kediaman beliau iaitu di Kampung Kemuning Jalan Bukit Bakar, Machang pada 20 November 2018 dari jam 2.56 petang sehingga 5.34 petang.

Mohammad Junus @ Lazim bin Haji Haron lebih mesra di kenali oleh rakan rakan beliau dengan nama Cikgu Lazim dan dilahirkan di Kampung Ayer Merah pada 1944. Beliau merupakan anak ketiga [3] daripada lima [5] orang adik beradik. berstatuskan sudah berkhawin dan telah mempunyai lima [5] orang anak iaitu tiga [3] perempuan dan dua [2] orang lelaki hasil dari perkhawinan bersama isteri beliau iaitu Meksom Binti Junus.

Transkrip temubual ini dijalankan selama dua jam lima belas minit dan temubual ini lebih menjurus kepada tentang sejarah bangunan Sekolah Ayer Merah. Walaupun beliau telah mengjangkau usia tujuh puluh empat [74] tahun, beliau masih aktif dan masih mapu untuk membuat kerja kerja di kampung.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rakyat Melayu Ayer Merah sampai darjah lima [5] dan kemudian memasuki Sekolah Kebangsaan Machang untuk melanjutkan ladi darjah enam [6]. Kemudian, beliau mengambil ujian Stesen Malay dan memasuki Sekolah Menengah Kebangsaan Kamil, Pasir Puteh pada tahun 1967.

Sepanjang perikhdmatan beliau sebagai guru dan juga beliau bergiat aktif dalam .....

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang tentang sejarah bangunan Sekolah Ayer Merah di mana Mohammad Junus @ Lazim bin Haji Haron merupakan salah satu Guru di sekolah tersebut. Rakaman ini dijalankan di kediaman beliau iaitu di Kampung Kemuning Jalan Bukit Bakar, Machang pada 20 November 2018 dari jam 2.56 petang sehingga 5.34 petang. Temuramah ini dikendalikan oleh Nur Hidayah Binti Ludin dan Wan Agia Arissa Binti Wan Mhd Junnid. Berikut adalah hasil rakaman.

<p style="text-align: center;"><b>PETUNJUK</b> <b>CL : CIKGU LAZIM</b> <b>NH : NOR HIDAYH</b></p>
---

**NH** : Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera berikut adalah tembual secara lisan mengenai latar belakang Sekolah Ayer Merah. Bersama sama kami ialah Cikgu Mad Lazim yang merupakan seorang guru di Sekolah Kebangsaan Ayer Merah. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 20 hari Bulan November bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 3 petang Bertempat di rumah kediaman Cikgu Mad Lazim. Temubual selama *dua* [2] jam ini dikendalikan oleh saya Nor Hidayah Binti Ludin dan juga Wan Agia Arissa Binti Wan Mhd Junnid. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

## **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH**

**NH** : Boleh pakcik bagitahu apa nama pakcik?

**CL** : Nama saya ialah Mad Junus ataupun Lazim bin Haji Haron

**NH** : Apa nama panggilan pakcik?

**CL** : Nama panggilan tiap tiap hari disini ialah Mad Lazim Bin Haji Haron

**NH** : Pakcik berasal daripada mana?

**CL** : Saya berasal di Kampung Ayer Merah

**NH** : Dimanakah pakcik dilahirkan?

**CL** : Saya dilahirkan di Kampung Ayer Merah

**NH** : Pada tahun berapa pakcik dilahirkan?

**CL** : Lebih kurang *tahun seribu sembilan ratus empat puluh empat* [44]. Selepas  
Jepun.....jepun masuk di kelate (Kelantan)

**NH : Berapakah umur pakcik sekarang?**

CL : Sekarang ni ialah *tujuh puluh empat tahun* [74] tahun.

**NH : Apakah nama ibu pakcik?**

CL : Nama mak saya ataupun ibu saya ialah Mektih binti Seni.

**NH : Apakah nama ayah pakcik?**

CL : Ayah saya ialah Haji Haron Bin Junuh.

**NH : Pakcik mempunyai berapa orang adik beradik?**

CL : Saya mempunyai *lima* [5] orang adik beradik. *Dua* [2] lelaki, *tiga* [3] Perempuan.

**NH : Apakah nama isteri pakcik? \* 0235**

CL : Nama isteri saya ialah Meksom Binti Junuh.



**NH : Ahh... okay. Adakah isteri pakcik bekerja?**

**CL : Dia ialah suri rumah.**

**NH : Berapakah bilangan anak pakcik?**

**CL : Saya mempunyai lima [5] orang anak. Dua [2] laki laki [lelaki], tiga [3] perempuan.**

**NH : Adakah anak pakcik masih belajar atau sudah bekerja?**

**CL : Semuanya habis berker..habis belajar dan sudah bekerja. Dua [2] errrr tiga [3] daripada meniaga dua [2] makan gaji.**

**NH : Papa pendapat pakcik apakah petua pakcik mendidik anak anak supaya berjaya?**

**CL : Pertama kita menghormati ke orang tua, yang kedua rajin berusaha dan jujur beramanah. Itulah hasrat saya dan sumbangan saya terhadap anak anak.**

**TAMAT BAHAGIAN A**

## **BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN**

**NH : Kita pergi ke soalan seterusnya. Di manakah pakcik bersekolah rendah?**

CL : Saya bersekolah rendah di Sekolah Melayu Rakyat Ayer Merah.

**NH : Pada tahun berapa pakcik tamat sekolah rendah di sana?**

CL : Lebih kurang tahun seribu *sembilan ratus lima puluh lapan* [1958] ataupun *sembilan ratus enam puluh* [1960].

**NH : Bagaimana dimana pakcik sekolah menengah?**

CL : Saya bersekolah, selepas saya tamat sekolah ayer merah darjah lima [5].  
darjah enam [6] saya sambung di Sekolah Kebangsaan Machang. Lepas itu,  
selepas habis darjah enam [6] di Sekolah Kebangsaan Machang saya masuk  
*periksa* [peperiksaan] Section Malay. Lepas tu, saya pergi ke Sekolah Kami.  
Pasir Puteh. Masa tu lebih kurang tahun *seribu sembilan ratus enam puluh tujuh*  
[1967] tahun.

**NH : Adakah pakcik bergiat aktif di sekolah menengah?**

CL : Saya ikut serta sahaja.

**NH : Adakah pakcik pernah menyertai apa apa kelab atau persatuan semasa bersekolah di sekolah menengah?**

**CL : Saya di sekolah menengah aktiviti saya apa ni bahasa malaysia, seni lukis dan sukan.**

**NH : Semasa di sekolah menengah apakah pencapaian tertinggi pakcik Semasa bersekolah?**

**CL : Di sekolah menengah saya dapati spm....srp lepas tu saya ambil spm. Ambik spm, tamat *setakat* [sehingga] spm.**

**NH : Adakah pakcik bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum?**

**CL : Saya ambil bahagian lari berganti ganti dalam sukan. Lepas tu, berganti ganti dalam sukan.....lepas tu pengakap.**

**NH : Pada pendapat pakcik, apakah tips kejayaan pakcik dalam bidang akademi sehingga mencapai ke tahap yang membanggakan ni?**

**CL : Saya daripada spm itu. Lepas tu saya bekerja lepas tu saya sambung lagi.. saya ambil stpm.....iaitu satu bahasa Malaysia setelah saya bekerja .**

**TAMAT BAHAGIAN B**

### **BAHAGIAN C: PEKERJAAN AWAL**

**NH : Okay...kita pergi kepada soalan seterusnya dari segi perkerjaan.**

**Apakah perkerjaan pakcik seteah tamat pengajian?**

**CL : Saya bekerja ialah buruh..buat rumah ..buat rumh batu. Haritu saya pergi ke jalan kerete api di gunung dekat tanah merah.**

**NH : Berapa lamakah pakcik bekerja sebagai buroh?**

**CL : Lebih kurang *satu* [1] tahun.**

**NH : Pada tahun berapa pakcik mula bekerja sebagai buroh?**

**CL : Kalau tak salah saya ialah tahun *seribu sembilan ratus enam puluh sembilan* [1969].**

**NH : Bermula pada tahun berapa sehinggalah tahun berapa pakcik mula**

**berkhidmat di sekolah kebangsaan ayer merah ni?**

CL : Lebih kurang bulan sepuluh ]10] tahun *seribu sembilan ratus enam puluh sembilan* [1969]. Saya apani mendapati jawatan sebagai guru sementara di sekolah rakyat kampung ayer merah.

**NH : Jadi masa tu pakcik berkerja sebagai guru sementara la?**

CL : Ya, guru sementara.

**NH : Pada tahun bila pulak pakcik bekerja secara guru tetap di sekolah?**

CL : Tak silap setelah kerajaan ambik alih sekolah tu. Lepas daripada sekolah rakyat, sekolah kebangsaan rakyat ayer merah lebih kurang *tahun tujuh puluh dua* [72].

**NH : Selain daripada pakcik adakah adik beradik pakcik yang lain pernah berkhidmat di sekolah itu?**

CL : Tidak ada, apanya...pelajar saja di situ.

**NH : Selama pakcik bertugas sebagai guru di sekolah tersebut apakah tugas**

**yang paling berat dan mencabar bagi pakcik?**

CL : Pertama, murid murid kurang hadir ke sekolah .Yang kedua tidak berminat belajar di masa zaman tahun lebih kurang tahun *enam puluh sembilan* [69]

NH : **Menurut pendapat pakcik apakah yang menyebabkan murid murid tu Tidak minat belajar pada waktu tu?**

CL : Oleh kerana masa itu ibu bapa tak tahu membaca tak tahu menulis. Zaman tu hanya tahu baca al-quran.....tulisan jawi.....Jadi rumi ni masa tu dia tak tahu. Jadi anak belajar ibu bapa tak tahu. Jadi daripada situ lah saya rasa kelemahan pada murid-murid tu di pada zaman tu.

NH : **Jadi sebelum wujudnya sekolah ni memang.....sebelum ni memang takde mana mana sekolah la kat kampung ni?**

CL : Sebelum ni tidak ada sekolah pun. Jadi sekolah ni setelah sebelum tahun lima puluh lima [55] saya rasa. Masa tu kominis baru tengah ramai. Jadi masa tu sekolah dah ada cuma sekolah atap.

NH : **Berbalik kepada soalan, apakah kejayaan yang paling besar yang**

**pernah pakcik sumbangkan di sepanjang berkhidmat sebagai guru di sekolah tersebut?**

**CL** : Yang di sekolah ayer merah ni saya. Pertama, kita ada sukan. Sukan murid serta ibu bapa tapi cara zaman dulu iaitu kukoh kelapa , naik basikal lambat pastu bermain chock. Kebetulan masa tu kita buat sukan tu menteri dalam negeri iaitu Dato' Haji Mohd Yacob ia daaing ke sini untuk melihat sukan orang kampung buat di sekolah.

**NH** : **Semasa pakcik berkdhidmat di sekolah tersebut adakah pakcik pernah menggubal sebarang dasar dasar baru untuk menaikankan lagi pretasasi sekolah tersebut?**

**CL** : Kita semua ada mesyuarat guru guru itu di mana murid yang lemah kita pergi ke kampung. Murid lemah tidak hadir ke sekolah yang emmm sebab tu ia kita pergi ke rumah untuk beritahu supaya dia datang ke sekolah.

**NH** : **Apakah sebab utama yang membuatkan pakcik ingin berkdhimat di sekolah tersebut?**

**CL** : Membantu saudara mara di kampung. Pertama jadi dengan ada orang tempatan murid murid atau ibu papa sudah mengenali kita. Jadi di situ kita dapat memupuk silaturahim antara kita, guru dengan ibu bapa.

**NH** : **Pada pendapat pakcik, apakah sumbangan ataupun pembeharuan**

**yang boleh pakcik bawakan di sepanjang memegang jawatan sebagai guru di sekolah tersebut? Apakah perkara baru yang pakcik bawa?**

CL : Pertama, sekolah baru kita buat seratus lapan puluh kaki [180] yang ditaja oleh kerajaan apa...Malaysia di kementerian pelajaran masa tu. Ppada masa tu ialah Kementerian Pelajaran yang ambik alih sekolah tu buat sekolah baru lebih kurang *seratus lapan puluh* kaki [180]. Setelah muridnya penuh ramai maka kita kena tambah lagi. Pertama satu kelas duduk atah rumah arwah ayah saya jadi untuk mendapat nak keluar murid daripada atas rumah tu saya pun cari...ajak orang kampung cari kayu, kayu bukit untuk buat sekolah tambahan lebih kurang *empat puluh* kaki [40] kita tambah di sambung sekolah kebangsaan ayer merah dalam *seratus dua puluh* kaki [120] yang membantu kita ialah cino balok yang hantar kayu tu ke sekolah ayer merah. Kita buat tu daripada kayu bukit.

**NH : Jadi kayu kayu tu sumbangan dari cino balok ko macam mana?**

CL : Kayu tu kita g teban dulu ambik dalam hutan lepas tu mintak tulong cino tu hantar. Cino Boo nama tauke dan hantar ke sekolah ayer merah. Jadi kita buat gotong royong lah membina tambahan, sekolah tambahan di...gabungan sekolah ayer merah

**TAMAT BAHAGIAN C**



#### **BAHAGIAN D: BANGUNAN SEKOLAH**

**NH : Saya nak temuduga mengenai maklumat tentang bangunan sekolah kebangsaan ayer merah. Okay pertama sekali apakah nama bangunan ini pakcik?**

**CL :** Nama bangunan ini ialah bangunan sekolah melayu rakyat kuala air merah. Selepas tu di ambik alih oleh kerajaan namanya sekolah tu...masih sekolah rakyat lagi. Lepas tu lebih kurang *dekat sepuluh* [10] tahun *lima* [5] tahun gitulah... saya pun kurang tepat jugak. Sekolah ini, sekolah ayer merah tu sekolah melayu rakyat ayer merah tu ditukar kepada sekolah umum. Selepas sekolah umum tu lebih kurang bertahun-tahun jugak ditukar kepada sekolah kebangsaan ayer merah. Tigo (Tiga) jenis sekolah tu pada mula nya pertama sekolah rakyat pastu sekolah umum pastu sekolah kebangsaan. Itulah yang sampai harini pun masih kekal dengan sekolah kebangsaan ayer merah. Zaman tu sekolah ayer merah tu ayer merah dengan nama ayer merah M-E-R-A-H bukan A-I-R A-Y-E-R zaman tu. Jadi sekolah kebangsaan ayer merah ditulis A-I-E-R Merah sekarang ni ubah A-I-R. Lebih kurang tahun *seribu sembilan ratus lima puluh enam* [1956] gitula.

**NH : Jadi bangunan ini ditubuhkan pada tahun seribu Sembilan ratus lima**

**puluh enam [1965]. Siapakah pengasas bangunan ini?**

CL ; Pengasas sekolah rakyat ayer merah ni ialah arwah ayah saya iaitu Haji Haron Bin Junuh.

NH : **Okay. Jadi hubungan pakcik dengan pengasas bangunan ini ialah ayah dan anak ?**

CL : Ya.

**NH : Apakah sebab utama ayah pakcik menubuhkan bangunan ini?**

CL : Ayah saya ni dia seorang main Mok Yong , dia seni mokyong apa ni orang kata teri. Jadi masa tu saya dengan Datuk dalang, datuk dalang ni kalau buat masa sekarang Menteri Besar. Jadi datuk dalang ni duduk Kota Bharu, Kelantan. jadi zaman tu dia dapa lessen main apani...Mok Yong ni dia dapat lesen khas daripada datuk dalang ni boleh main di mana mana dalam Kelantan. Dia tak perlu pakai pas. Jadi kalau orang lain orang biasa kena mintak dengan dia nk main Mok Yong tu. Zaman tu masa tu orang suka sangat Mok Yong teri ni. Jadi disitu la kita lihat di mana dalam perjalanan dia tu ke kota bharu ke kuala krai dia tengok (lihat) ada sekolah pergi kota bharu pun ada sekolah. Jadi kita di Machang ni pun kurang lagi sekolah khasnya satu sekolah sahaja sekolah kebangsaan machang daripada situlah budak budak kampong ni masih berlari ke sana ke mari tidak tahu apa dengan telanjang (berbogel) tak kurang pakai kain.

Jadi hidupnya amat amat menderita la orang kita kampung ni. Jadi tidak ada pelajaran, maka disitulah fikir bahawanya dia buat dia bincang dengan orang kampung membina sekolah khas rakyat ayer merah ni dengan menggunakan kayu bulat atap daripada nipah , atah nipah yang djahit selepas tu di ambik oleh buluh buluh sungai tu buat kat dinding , zaman ni orang duk buat gitu. Khasnya ada tiga p3] kelas sahaja, masanya guru nya hanya dua orang, arwah Cikgu Sukri mula mula ayah saya ambik dia. Cikgu sukri ni anak seorang pekerja JKR di machang. Jadi ayah saya g minta dia mari mengajar di sekolah dengan tidak bergaji khasnya kita beri, ayah saya beri beras begitu jah padi apani padi zakat. Jadi orang kampung, jadi masa tu kita ada dua orang Cikgu Sukri dan Cikgu Mazim....menghidupakn sekolah tu sekolah rakyat tu.

**NH : Selain daripada tu, siapakah yang terlibat dalam membangunkan bangunan ini?**

CL : Bangunan ini masa itu saya ingat dia buat gotong royong orang kampung cari kayu cari buah atap jahit atap itu jadi buat orang panggil bubur kacang, malam jahit atah. Atap tu dijahit bukan daripada atap , ada atap satu jenis tu kita ambil di bukit , saya pun lupa atap apa kita panggil yang buko (buka) panjang lebih dua lima[25] kaki satu line tu, kita kena buat di bukit satu jenis daun macam daun salak .

**NH : Bangunan ini ada pernah dirasmikan oleh siapa siapa tak?**

CL : Tidak ada masa tu , taka da Cuma nya kita orang kampong jah kalau ada masalah kita panggil bincang empat [4] lima [5] orang jawatankuasa. Dia ada tubuh jawatankuasa zaman tu. Lepas tu dipengerusikan oleh ayah saya , Haji Haron ni maka di bincang bincang tambah gapo (apa) nak buat meja kerusi.

**NH : Jadi emm memang selepas kata bangunan tu yang sekolah tu dipindah milik oleh kerajaan memang takda orang merasmikan?**

CL : Setelah di ambik alih leh kerajaan sekolah tu khasnya menteri je yang mari menteri dalam negeri iaitu Tuan Haji Mohammad Mohammad Yaacob bekas Menteri Besar Kelantan dia yang mari nya bukan rasmi Cuma dia mari tengok (lihat) di sekolah tu permainan sukan kampong jadi di situ kita sembelih kambing lepas tu pertunjukan kita buat pertunjukan gajoh (Gajah) kita ambil gajah bukit diorang tarik balok tu minta dia tolong mari. Kita ambik pelepoh() nyior (kelapa) belakang rumah ni bawak ke sana bui (bagi)kat sekolah ayer merah.

**NH : Okay emm...boleh pakcik cerita dengan lebit lanjut bagaimana bangunan ini dibina?**

CL : Bangunan ini dibina sebagaimana yang saya kata tadi secara gotong royong, kayu di bukit lepas tu malam petang buat bangunkan bangunan. Lepas tu atap daripada daun rembian kalau kita tengok sekarang dia panggil sagu. Lepas tu panggil orang jahit malam perempuan ada lelaki ada menjahit buat bubur buat caca. Lepas tu diorang mendirikan atap semua buat lah dinding daripada buluh tadi, buluh tu dicica dinding dan tiga [3] kelas. Apani kerusi meja, meja ialah meja tak boleh bergerak yang tidak bergerak meja tu digali dalam tanah semasa letaknya papan. Papan tu dibuat cara gaji zaman dulu, dia gaji org panggil gaji kesok. Jadi tidaklah sebagaimana sekarang ni. Gaji ni dia kesok satu sebelah sana satu orang sebelah sini tarik pergi mari pergi mari. Lepas tu meja tidak bergerak , kalau tidak silap saya meja tu ada enam [6] biji. Enam biji tu bukan nya sama kalau empat [4] kaki tifg [3] kaki. Ada yang enam [6] kaki ada yang lima [5] kaki. Jadi ibu bapa yang membuat ni, awak ni buat sebiji dua tiga orang buat sebiji . Lepas tu kerusi tempat duduk dia gaji lebih kurang , ada yang lima [5] inci tebal, panjang sepuluh kaki [10] ada yang lapan kaki [8] ada yang lima [5] kaki. Tebal nya lebih kurang empat [4] inci atau lima [5] inci. Panjang tu di hujung dua [2] kaki di belakang dua kaki. Jadi boleh la duduk, kerusi tu boleh di angkat, usung dua [2] atau tiga [3] orang. Kerusi tu tebal kayunya. Tu la caranya, letak lah dua tiga sepuluh kaki.

**NH : Pada awal penubuhan bangunan ini, sekolah ni ada berapa tingkat pakcik?**

**CL** : Masa kerajaan ambik alih sekolah kebangsaan ayer merah khasnya satu sahaja tingkat. Satu saja lah, satu bangunan hk panjang seraus lapan puluh kaki [180] atapnya hedey, dindingnya daripada kayu somen. Lepas tu lantainya lubangya daripada simen.

**NH** : **Agak agak berapakah keluasan tapak sekolah ni?**

**CL** : Tapak sekolah ayer merah ini lebih kurang kalau tidak silap empat [4] ekar, tiga [3] suku, empat [4] lebih, empat [4] ekar setengah lebih. Empat [4] ekar tiga suku. Jadi daripada hujung di jalan ni sampai hujung sungai. Masih lagi lebih kurang tig....empat[4] ekar tiga suku.

**NH** : **Selepas kerajaan ambik alih adakah ada perubahan dari segi tambah bilik darjah ke?**

**CL** : Ya, benar. Sekolah yang kerajaan ambik alih tu pun ialah bilik darjah. Satu bilik darjah kita belah dua satu darjah enam , satu bilik guru. Masa tu guru ni lebih kurang ada lapan orang. Lapan orang guru, ada seorang guru besar. Saya bukan guru, guru biasa sahaja jadi guru besar tu nama Cikgu Mazim bin Yusof, dia orang Kemuning. Dialah mari jadi guru besar setelah sekolah kebangsaan ayer merah ni diambil alih jadi kita tenaga pengajarnya ada tujuh orang , satu tukang kebun, satu orang tukang kebun. Jadi kita....di sekolah tu ada pengeusi, pengerusi BERSAMA ni menentukan gaji kita tu. Nak bayar

kena sign di tanda tangani pengerusi BERSAMA. Dia panggil pengerusi BERSAMA.

**NH : Agak agak berapa masa yang diperlukan untuk menyiapkan pembinaan bangunan ini?**

**CL :** Kalau bangunan baru lebih kurang lapan bulan, lapan bulan sehingga depan tu boleh masuk kereta, ada longkang. Kalau hok dulu tu tidak ada apa, longkak tidak ada, Cuma tanah yang kita pijak kat dalam tu kelas tu dia tinggi sikit dari bawah. Cangkul tanah zaman sekolah rakyat, dicangkul tanah tinggi lebih kurang satu kaki lebih. Tinggi...kalau ada air hujan pun tidak masuk ke dalam.

**NH : Reka bentuk bangunan ni direka oleh mana mana sumber ke ataupun idea daripada ayah pakcik sendiri?**

**CL :** Kalau sekolah sekolah rakyat idea tu diber oleh arwah ayah saya. Lepas tu kalau sekolah yang baru tu iti hak kementerian...pelajaran masa tu. Kementerian pelajaran.

**NH : Jadi, pada tahun berapa bangunan ini diubah suai dripada kayu kepada sekarang ni?**

CL : Sekolah kebangsaan ayer merah ni diubah suai kayu daripada kayu ke batu bata tu lebih kurang tahun tujuh puluh enam [76]. Setelah diambil alih oleh kerajaan Malaysia.

**NH : Tentang prasarana yang ada di sekolah tu apakah jenis keselamatan yang disediakan oleh sekolah itu. Contohnya ada tidak di sekolah tu alat pemadam api ataupun pili bomba ke?**

CL : Masa tu di sekolah kebangsaan ayer merah, air pun takde. Di sekolah bar utu yang seratus lapan puluh kaki [180] kita pakai kot air telaga. Cuma zaman dulu dia panggil pam. Jadi masa tu tidak ada apa lagi eleterik tiada ada lepas tu yang dripada eletrik tidak ada ,, air pun tidak ada, lepas tu paip apani pemadam api ,pemadam api tu adalah sebiji. Itulah sahaja.

**NH : Pemadam api itu sumbangan daripada siapa siapa ke?**

CL : Tidak silap sekolah itu beli selepas itu diserahkan kepada bomba. Kalau tidak silap saya la tu. Masa itu saya tidak mengambil berat.

**NH : Jadi, dari segi penduduk pula bagaimana penerimaan dia terhadap penubuhan sekolah ini adakah dia terima atau macam ada yang**



**dari itu mereka tidak setuju ke dengan penubuhan sekolah**

**ni?**

CL : Dia ada dua [2] perkara, dua [2] sebab pertama masa nak buat sekolah baru tu kerajaan boleh bagi buat sekolah, sekolah dia boleh bangun tapi tanah, tapak dia tidak boleh bagi, dia tidak boleh beli. Maka, kita arwah ayah saya dia beri tapak tu. Jjadi kalau ayah saya tidak bagi tapak sekolah ayer merah ni yang dulu maka sekolah ini akan pindah ke sekolah di Bukit Tiu kerana sekolah ayer merah ini tiada tapak. Orang bukit tiu yang ada tanah. Jadi disitulah ayah saya pun beri tanah tu yang sebanyak empat [4] ekar lebih. B eri tanah masa tu Menteri Pendidikan saya rasa, Menteri Pelajaran bukan pendidikan ialah Mohammad Rohmat eh bukan Cik K Johari daripada Kedah tu.

NH : **Jadi sebelum orang kata penubuhan sekolah ini kat tapak tu adakah ada macam pembangunan di sekolah itu di tapak itu?**

CL : Sekolah ayer merah tu pada mulanya tukang kebun, dia panggil tanah padi iaitu tanah C2. C2 ni orang tanam padi scara tunggal bukan secara tunggal bukan secara galak dengan lebu, denga kerbau secara dia tunggal. Tungga tu dia guna kayu, kayu batang berjalan ke depan angakt kiri kana jadi la lubang tu dia potong sehingga maka jalan ke depan kanan kiri. Jadi orang yang belakang ni kebanyakan perempuan masukan benih biji padi ke dalam lubang dia. Lubang tu lebih kurang luasnya dua [2] inci lepas tu dalam nya lebih

kurang tiga [3] inci. Jadi masuk biji benih dalam tanah C2. Tanah rumah saya sekarang pun C2 , kalau nak kata tanah pertanian masa tu tanah C2.

Menanam padi secara tunggal, tidak ada kereta bergala khasnya ada lembu ada kerbau.

**NH : Seawal penubuhan arwah ayah pakcik tubuhkan sekolah tu orang kata penduduk ni suka la orang kata terima la denga kehadiran sekolah ni?**

**CL :** Kebanyakan orang kampung setuju sebab benda ni kita buat dan kerajaan habis berates ribu maka orang kampung pun amat suka la kerana sekolah pun baharu, kurang lah menyusahkan dia ibu bapa sebab nya sekolah baru, cikgu baru lepas tu cikgu dibayar gaji dan yang masuk gaji masa tu ialah kita biasa ini Sembilan puluh tiga ringgit sebulan. Tapi gaji ini kena ambl di kota bharu bukan kata kena yang ditanganani di cek tu pengerusi ialah bekas Haji Sulaiman iaitu Jemaah pengurus ayer merah dipanggil Jemaah pengurus, Jemaah pengurus sekolah kebangsaan ayer merah. Dia tandatangan cek tu hok Sembilan puluh tiga ringgit maka kita pergi la kota bharu tukar di kota bharu.

**NH : Jadi agak agak pada tahun berapa sekolah....nama sekolah kebangsaan ayer merah ni diguna pakai?**

CL : Tidak silap saya tahun *lapan puluh* tahun *tujuh puluh* [70] ke *lapan puluh* [80] tidak silap saya.

**NH : Jadi nama sekolah ini ditukar sebanyak tiga [3] kali?**

CL : Ha ye, tiga kali. Pertama sekolah rakyat. Lepas tu sekolah Umum masa tu lebih kurang apa ni Malaysia kita nak merdeka lebih kurang tu la. Masa tu kominis pun masih ada lagi sebab sini kita kominis dekat dengan bukit, dekat sangat kominis ni masa kita jalan pun takut malam dan hutan di sekeliling banyak. Tidak ada pokok getah orang tebang dan tanam dalam hutan.

**NH : Jadi masa penubuhan sekolah itu orang kata tiada ke pihak kominis datang cari dan campur tangan tidak benarkan penubuhan sekolah ini ke?**

CL : Cuma kita disini kominis tidak keluar dari sini sebab zaman itu kita ada hongga yang tulis di baju tu H-E. HE yang dibuat line merah di baju tu diketuai oleh....ketua tu hongart jadi kita Melayu ni hanya bawak senapang patah. Diisini kita ada tempat, dua [2] tempat iaitu bakor, orang dulu dia buat satu pos, post u untuk orang jaga siang, siang dan malam situ iaitu Hongart. dia ada kain merah lebih kurang empat [4] inci situ dia letak balut di tangan sebelah kiri ditulis H-G Hongart sebab senapang patah dia beri oleh kerajaan. Lepas tu dikawal sebab tu lah kominis tidak berapa suka keluar di sini. Tidak

seperti kampung pek apa ni Bukit Yong disitu dia dekat dengan hutan bukit dengan orang kampung.

**NH : Jadi masa tu tidak ada lah tentangan daripada pihak british untuk tubuhkan sekolah ini?**

CL : Tidak ada, british sokong tetapi kominis ni pada zaman tu, saya pun tengah budak budak lagi saya pun kurang jells dengan benda tu tapi saya rasa setahu saya tiada. Tiada kominis keluar di kawasan kampung ayer merah ni. Kampung ayer merah ni dia ada tiga [3] kampung yang besar ni kalau orang luar dia panggil kampung bakor taoi kita di dalam kita panggil kampung ayer merah, limau nipin, kampung kokkiyoh. Ni tiga [3] kampung. Lepas tu kampung bakor. Kampung bakor, kampung limau nipis, kampung kokiyoh, kampung ayer merah. Empat [4] butir kampung tapi orang luar panggil kampung bakor. Maka hari ini kerajaan, setelah kerajaan memerintah Merdeka ubah nama, orang putih ubah nama Bukit Bakar sebenarnya Bukit Bakar standard English bukan tempat yang kita tapi zaman itu kita tidak tahu apa lagi jadi B-A-K-A-R kita yang sini sebenarnya B-A-K-A dia tambah pulak, jadi orang putih zaman tu. Yang buat jalan ni pun orang putih zaman tu , ketuanya orang putih yang pakai stoking tinggi pakai seluar pendek stoking tinggi.

**NH : Sekolah kebangsaan ayer merah ni yang tukar namanya pihak kerajaan**

**lah kan?**

CL : Ya, kerajaan. Kerajaan yang menukar nama sekolah itu. Kerajaan, bukan orang dan penduduk.

**NH : Jadi agak agak apakah objektif, apakak visi misi sekolah kebangsaan ayer merah ini ditubuhkan pakcik?**

CL : Yang membina itu saya rasanya lah untuk menentukan bangsa kita boleh maju ke hadapan juga sebagaimana di neger negeri yang sudah maju dalam tanah melayu zaman itu.

**NH : Okay, semasa cadangan sekolah kebangsaan ayer merah ini dipindah Milik siapa yang menyetujui cadangan untuk pindah milik daripada Sekolah rakyat di bawah kerajaan?**

CL : Ia masa tu jabatan pendidikan, jabatan pelajaran diketuai oleh ia panggil Cikgu Group, Cikgu Kumpulan ni kalau kita hari ini ialah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) kalau zaman dulu dia panggil Cikgu Kumpulan dia orang pasir puteh. Jadi ayah saya arwah ayah saya Haji Haron ini pernah berhubung ke dah pergi pasir puteh dengan cikgu group ni, cikgu kumpulan. Jadi disitulah dia kata ayer merah ini kalau boleh ada tapak, ada tapak sekolah kita boleh bagi bantuan sekolah baru. Ayah saya pun dia pergi jumpa dengan Menteri Yang Berhormat Haji Yaacob orang panggil Pokkob Machang adik ipar arwah Ku

Aziz Bapa saudara Sultan Kelantan. Jadi ayah saya pergi jumpa situ, dia kalau kata Menteri itu yang daripada Kedah itu sekiranya ada tapak kita boleh buat sekolah maka ayah saya pun janji lah dia akan bagi tapak itu kepada kerajaan dan sekarang ini masih kekal di bawah kementerian pendidikan tanah itu. Jadi ayah saya tidak ambil, ayah saya pun ada pesan kepada saya jangan ambil selagi orang nak guna, ini hadiah dia bukan sahaja tapak sekolah, tapak kilinik satu [1] ekar itu pun hadiah jugak ini sekolah ayer merah juga hadiah bukan kejayaan bayar sampai harini pun tidak ada bayaran. Satu hari dalam tahun berapa saya tidak ingat, marilah D-O machang ini Encik Hamid, Encik Hamid boleh dikatakan dia rapat lah dengan saya dia panggil P-T-G Tanah Galian Pemungut hasil tanah. Jadi Encik Hamid dia mari sini kat rumah saya masa saya punya anak yang tinggal di Kuala Lumpur ini itu dalam enam [6] tahun. Jadi dia nak bayar tanah saya itu jadi kita nak bayar tanah ni, tanah tapak sekolah yang lama, yang kedua itu daripada lama kepada bangunan baru dia nak bayar. Jadi saya jawab kat dia saya tidak boleh terima duit saya tidak boleh, saya nak kat duit tapi saya tidak terima sebab ayah saya tidak pesan suruh ambil duit. Dia pesanya suruh bagi kat orang dan guna untuk orang ramai. Itulah peninggalan jadi saya sampai hari ini saya tidak ambil tahu tanah itu, Cuma kalau ada orang nak buat apa apa dalam tu, dia bagitahu lah kat saya nak buat Court Sepak ke. Jadi saya setuju benda yang mementingkan orang ramai. Jadi sampai harini saya tidak ambil tahu pasal tanah ini. Sepatutnya saya boleh ambil tapi saya tidak mahu sebab ayah saya tidak pesan suruh ambil pesanya hanya untuk guna orang ramai sebab hasil dia, dia hari hari dia dapat, kita tidak berani nak tadah tangan kat dia tiap tiap jam

tidak boleh. Itulah sebabnya lagipun kita bena lain banyak lagi, Tuhan beri kita rezeki Tuhan ni banyak. Jadi saya tidak ambil tahu macam tanah klinik desa bukit bakar tu kita tidak mengambil tahu Cuma kalau ada nak buat benda baru diorang bagitahulah, kita pun rasa benda tu molek (baik). Baru baru ni ada orang janji dengan saya nak buat tempat bangunan untuk orang kampung ni mesyuarat, ada nak buat kenduri kendara jadi boleh guna tapak kawasan lama. Tapi sampa harini pun orang tidak buat. Datuk Lan menang pun dua [2] kali tapi tidak buat yang tu pun bukan bidang saya. Kalau saya jadi Tok Peghulu mungkin jadi kalau saya lah tapi orang lain jadi Tok Penghulunya dia beritahu saya dan saya syorkan.

**NH : Jadi dikalangan adik beradik pakcik sendiri adakah mereka bersetuju kata taknak ambik tanah tu? Bersedapat dengan pakcik?**

CL : Salah seorang ada anak saudara, dia ajak saya pergi Kuala Lumpur jumpa Menteri Pendidikan, Pelajaran pada masa itu orang Johor nama saya tidak ingat yang masa Perdana Menteri Tun Dr Mahathir. Jadi sidiitu dia ajak saya pergi jumpa dengan Menteri ini kita ada line masa jumpa tu tapi saya kata saya Tanya kenapa kita tidak boleh tinggal kat sini dah ke dia jawab boleh dah kalau boleh tinggal sahaja. Ini semua tiada faedah dan tidak suruh kita ambil \*bunyi batuk dia suruh serah kepada kerajaan orang guna biar orang guna tanah itu, jadi kalau orang nak buat apa apa jenis atas tu dia setuju itulah saya terima sebab adi beradik saya dan ayah saya khawin muda dapat lima orang adik beradik. Adik beradik pertama lelaki yang kedua perempuan yang ketiga saya dan emak yang

baru lelaki dan perempuan kembar. Daripada tu diorang tidak sibuk yang hak kakak saudara tu. Jadi, itulah jawapan saya kalau kita boleh tinggal lagi jadi tak perlu ambil. Ini bukan kita yang bagi hak arwah lagi bagi dia nak hasil hak dia beri, sumbangan dia beri keuntungan kita yang tidak Nampak. Itulah harapan saya buat masa ni pun diorang dah bangun kawasan tanah itu kejayaan itu pada untuk rakyat kampung mana mana. Itulah harapan saya. Jadi saya takkan ambil tanah sebab kalau saya mati pun tanah tu masih kekal saya takkan ambil, kalau saya nak ambil boleh ambil saya banyak kawan dari P-T-G saya ada, P-T-G Negeri, P-T-G Persekutuan tanah tanah macam ni ialah Pesekutuan, hak neger ni untuk ambil tanah adala caranya kita boleh ambil. Cuma saya tidak boleh cakap cara kita boleh ambil tapi saya tidak mahu ambil kerana hak saya pun hak ada dah pun tidak habis yang ada sekarang nip u lebih khasnya saya bagi anak anak dan yang ada sekarang yang ni yang lain saya bagi kat anak. Jadi saya tidak berasa kandok (teringin sangat). Pertama nya umur saya pun dah lebih selepas itu anak anak saya pun dah Berjaya semua. Apa lagi kita nak semua kita boleh dah. Barang barang semua cukup makan pun anak anak bagi. Jadi itu kelebihan Tuhan bagi saya atah tanah tu. Saya ambik tanah tu macam mana tahu kan saya rasa begitulah dan orang kenal saya pun ada orang luar pun cakap Cikgu Mad ni ayah dia bagi tanah free kat kerajaan. Pernah orang cakap depan saya, saya buat tidak tahu lah jadi gitulah hidup kia tidak susah anak anak pun tidak susah kalau kita banding kita dengan orang lain yangsekarang bukan lah saya nak bersohor (menunjuk).Gitulah harapan saya untuk tanah itu.

**NH : Jadi antara penubuhan sekolah ayer merah dengan klinik desa tu yang**



**mana arwah ayah cikgu tubuhkan dulu?**

CL : Seolah ayer merah yang pertama sekolah rakyat ayer merah pertama nya lebih kurang lima [5] enam [6] tahun saya ingat sekolah ayer merah tu. Arwah Tok Wan Dollah ni mari buat pulak tanah yang saya duduk nak buat kedai sari. Dulu dia buat semin lebih kurang enam [6] kaki tinggi dalam empat [4] kaki selepas itu dalam empat [4] kaki. Jadi orang boleh meniaga di sini ditanah yang saya duduk sekarang ni. Jadi kebetulan saya balik kat rumah ada Tok Gawo rumah Wan Dollah dia jaga daerah Ulu Sat ni jajahan daerah ulu sat , dia duduk di Bandar machang ni. Dia ni ada hubungkait lah dengan ayah saya jadi saya pun kata masa Tok Gawo tu balik cukuplah ayah tanah klinik lagi tanah sekolah lagi kita bagi yang ni biarlah seban nak buat pasar sari kalau tidak hari selasa hari isnin macam orang kampung lah mari menjual orang berniaga kat sini. Dia buat dua tiga oleh batu zin apa tum aka kita....orang meniaga lah jual ikan ke jual sayur.

**NH : Okay emm...masa arwah Encik Haron Bin Junuh masa dia nak sumbangkan tanah dia adakah dia meletakkan apa apa syarat sebelum dia bersetuju untuk jadikan sekolah rakyat tu?**

CL : Tidak ada syarat yang kena bayar orang kampung kena bayar dia atau mana mana lah kgasnya dia bagi tapak percuma kepada kerajaan supaya kerajaan boleh buat sekoalh ayer merah ini dengan sempurna dan boleh anak anak kita di kampung inipergi keluar. Daripada darjah satu sampai darjah enam tidak perlu pergi keluar. Ibu bapa zaman dulu rasa amat bertuah.

**NH : Okay dari segi perkembangan sekolah ini pula macam apakah perkembangan yang dibawa oleh sekolah itu contohnya kalau dulu sekolah tu tidak ada, sekarang ada padang bola dan macam dulu tidak ada pusat sumber sekarang ada?**

CL : Sekolah dulu memang tidak ada apa, ada kelas sahaja sekolah baru panggil sekolah baru masa itu sekolah baru tu ada lah enam bilik darjah dengan tiang bendera pun ada lepas tu jalan masuk ke sekolah baru tu ada tidak ada apa, tidak ada lah syarat kerajaan kena bayar ke. Untuk buat sekolah baru sekolah yang ketiga pula pertama daripada rakyat kedua daripada kerajaan yang ambik alih yang ketiga ni tanah belakang tu dia ambil hak saya, yang tu berbayar. Jadi dia ambik semua tiga empat lot berbayar disebabkan berpindah ayer merah kepada sekolah baru tu yang lama yang baru. Yang kedua hujung pada padang bola tu runtuh ke sungai. Maka satu kelas hampir dengan sungai sebab tu lah kita pindah sebelah. Masa tu adalah Abang Mat Yaacob ni dia jadi Menteri Pendidikan saya panggil abe mat masa tu jadi abe mat ni dia mari ke sini masa tu dia jadi ketua bahagian machang dia mari sini dia bagitahu saya “Cikgu, sekolah tu nak pindah kalau boleh saya bagi tapak lain saya bagi tapak yang dekat jalan ke bukit tiu daripada kemuning nak masuk bukit tiu sebelah itu ada tanah bangunan alik kanan yang itu saya bagi. Saya nak mengelak jugak dengan rumah yang saya duduk ini. Abe mat oyak saya awak pergi jumpa Pengarah , masa jumpa pengarah Khoo Chee Liew Timbalan Pengarah Cikgu Leh, Salleh Hakim saya pergi rumah Timbalan Pengarah ini di Kota Bharu dan bagitahu dia dan difikir fikir tidak payah pergi jauh l tanah

sekolah ini da sekolah baru pun kita boleh buat. Jadi kita pun mengalah tidak mengalah jugak saya pun pergi Kuala Lumpur dan dia cakap sekolah sana pindah yang tetap sebab saya tinggal di rumah yang belakang tu, orang perempuan saya pun berniaga di situ, saya baru balik daripada masa mengajar di Terrenganu tiga [3] tahun, tiga [3] sahaja saya berada di tereenganu masuk tahun ketiga saya balik Kelantan masa tu Menteri Pendidikan Yang Berhormat Dato Musa Hite saya derek (terus) pergi jumpa dia maka saya boleh balik Kelantan. Balik tu saya mengajar di sekolah kebangsaan jalan tanah merah...kebangsaan Pangkal Meleret saya bertukar disitu jadi Encik Samad Pengarah Pendidikan Terrenganu masatu Tuan Haji Samad dia tidak cakap saya balik Kelantan ditempat dia sekolah Pangkal Meleret tempat adik ipar dia. Masa tu saya berulang alik dengan Pengarah Pendidikan Encik Samad ni masa saya duk Terrenganu. Barang duk Terrenganu sumbangan tidak ada lah, buh rambutan, durian, pisang, kita sebagai cikgu ni orang hormat lagi zaman tu bukan sikit sikit dia bagi, berpuluh puluh durian tidak habis nak makan maka kita bagi kat Encik Samad, Pengarah Pendidikan Terrenganu masa tu jadi saya dengan Encik Samad ni amat baik. Lepas tu saya pergilah jumpa Menteri Pendidikan Dato Musa dia pun saya masa tu sudah.....gaji kecil tiga ratus enam puluh[360] anak dah ada empat [4] anak ramai tapi duit sikit sewa rumah lagi lepastu saya pergi jumpa Dato Musa saya pergi dengan kawan naik lor. Lori trelar ngatar barang ke Kuala Lumpur, tumpang dia saya pergi jumpa Dato Musa bagi saya kalau nak ikut semua tidak boleh Kelantan dengan Terrenganu Johor\*\*\*

**NH : Pada awal penubuhan Sekolah Kebangsaan Ayer Merah, berapakah**

**Jumlah keseluruhan murid yang bersekolah dan guru yang berkhidmat di sekolah tersebut?**

CL : Pada sekolah yang kedua ialah lapan[8] guru, satu[1] orang guru besar, satu[1] orang Tukang kebun, ini yang sekolah baru bangunan kedua, yang mula-mula dua[2] tambah Empat[4] orang jadi enam[6] orang dan murid pula pada sekolah pertama lebih kurang Tiga puluh[30] ke empat puluh[40] orang sebab kelas tu ada enam[6] orang budak – Budak duduk kalau darjah satu[1] duduk dekat darjah satu[1] kalau darjah dua[2] Duduk darjah dua[2], bagi dalam kelas tu jugak...yelah masa tu takde system mana, sistem kita ramai-ramai kita fikir lepastu, kita fikir lepas tu, masa tu zaman lepas penjajah, lepas orang putih

**NH : Berapakah jumlah keseluruhan matapelajaran yang ada pada masa tu, pada Pertama yang Sekolah Rakyat tu?**

CL : Pada masa tu, pertama kita kata ‘ilmu hisab’ dalam Sekolah Rakyat masa tu dipanggil ‘ilmu hisab’ bukan ‘matematik’ yang kedua ‘ilmu alam’, ilmu kejadian, yang ketiga ‘sejarah’ dia panggil ‘tawarikh’ yang keempat, agama, ‘agama islam’ dia panggil, lepas ‘seni lukis’ dia panggil hari ni, lepas tu ‘tatarakyat’ ni ‘sivik’ dia panggil kalau tak silap saya, itulah yang kita mengajar.

**NH :Jadi pada masa tu, kebanyakan murid yang bersekolah pada masa tu beragama Islam semua atau ada agama lain macam orang asli yang bukan beragama islam?**

CL : Seratus peratusnya [100%] Melayu beragama Islam

**NH : Jadi pada masa tu, pakcik cakap dia tak dibayar upah kepada guru yang Mengajar kan?**

CL : Masa Sekolah Rakyat tidak ada upah, Cuma kita minta dengan ibu bapa murid - murid Kalau ada beras bawak mari beras, kalau ada padi zakat bawak mari padi beri pada Cikgu, cikgu pun naik basikal, 'gatih' basikal daripada Bandar machang tu mari ke sini 'gatih' basikal'.

**NH : Siapakah pengetua sekolah pada masa itu?**

CL : Pengetua sekolah masa itu ialah Cikgu Syukri, itu orang pertama tu.

**NH : Jadi sekarang pada tahun dua ribu lapan belas [2018], berapakah anggaran jumlah keseluruhan murid yang bersekolah dan guru yang berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Ayer Merah?**

CL : Murid yang bersekolah pada tahun dua puluh lapan belas [2018] lebih kurang empat Ratus enam puluh [460] dan guru yang bertugas dua puluh enam [26] orang termasuk Bahasa inggeris, agama, itu yang lebih kurang saya tahu, lepas tu guru fardhu ain ada enam[6] kelas, enam[6] orang satu penyelia fardhu ain petang kan...em.....

**NH : Jadi Sekolah Kebangsaan Ayer Merah ni pernah mendapat sebarang bantuan Dari pihak luar?**

CL : Buat masa sekarang ni semua Kementerian Pendidikan yang tanggung lepas tu bakal- Bakal wakil rakyat, wakil rakyat ada beri bantuan, baru-baru ni Ketua Pemuda UMNO bahagian Machang lauan pejalan kaki daripada buka pintu pagar ke sekolah lebih kurang

dua ratus[200] kaki

**NH : Jadi pada awal pembukaan sekolah tu, iaitu Sekolah Rakyat adakah murid yang berdaftar di sekolah tersebut dikenakan apa-apa yuran?**

CL : Sekolah yang baru ni, yang ketiga ni semuanya mengikut cara Kementerian Pendidikan Kalau kena bayar yuran, bayar yuran, kalau buku teks biasanya diberi percuma lepas tu Cukup tahun dia hantar balik lepas tu ada dengan bilik guru, bilik perpustakaan, makmal Sains, bilik computer, tiap – tiap jenis tu ada Bahasa Malaysia pun dia ada satu Badan, Matematik pun dia ada satu Badan, Sejarah pun ada satu Badan, yang apa saya boleh Nampak hari ini.

**NH : Adakah Sekolah Kebangsaan Ayer Merah ini mempunyai ibu pejabat?**

CL : Sekolah Kebangsaan Ayer Merah memang ada pejabat di 'line' yang pertama, tingkat yang pertama, di kawasan tengah disitu lah tempat bilik guru, bilik guru besar, PK1,PK2 PK KO, pejabat untuk kakitangan pejabat memang ada, jadi boleh katakana lengkap buat masa ini.

**NH : Jadi berbalik kepada tapak Sekolah Kebangsaan Ayer Merah tu, sebelum ada adanya tapak tu macam pakcik cakap sebelum ni dia ada tanah padi kan?**

CL : Sebelah tanah darat tu, sebelah tu dia ada lebih kurang dua[2] ekar tanah padi, tanah padi tu kita tambung sebab kontraktor dia mari serah pada saya untuk buat semua tu dia bawak barang cuma kita yang tunjuk dimana nak tambung pasir dan timbus tanah

tempat tanah padi tu dan buat masa ini tanah tu tidak sudah menjadi tanah padi kalau dulu air, kalau hujan begini banyak air la sebab tanah padi lepas tu sebelah tu tanah saya separuh tinggal suku ekar, sebab tu anak saya boleh meniaga kat situ jadi itulah saya minta jasa baik Kementerian Pendidikan supaya tinggal suku ekar sebab tu masa tu isteri saya ni meniaga masih ada la barang yang kita dan macam saya ni ada hutang MARA sepuluh ribu[10 000] jadi kalau dia ambil semua saya nak ambil dimana duit nak bayar hutang MARA ni jadi alasannya begitu, lepastu kerajaan Kementerian Pendidikan ni tolak la tinggal belakang, belakang tu ambil la dalam kawasan tanah sekolah tu adalah satu tempat bukan semua padi, tanah tu separuh dua lotnya satu lot saya pokok kelapa, rambutan, durian, jadi semuanya, habisla ditolak oleh diorang ni tinggal kosong jadi sekarang ni tinggal jadi padang bola, setelah siap sekolah yang ketiga jadi padang bola, manakala siap sekolah yang keempat ni yang dua[2] unit ni, padang bola tu saya bacanya tak sampai dua[2] ekar dah dia dikira padang bola dah tiada la, saya cadang kepada Kementerian Pendidikan supaya ambil tanah sebelah sekolah tu tanah padi tu ditimbus sampai ke parit klinik ada parit klinik kat situ, saya suruh ambil sampai situ jadi buat masa ini pun takda apa perubahan taka da lagi yang diambil oleh kerajaan masih lagi, padang bola dah takda.

**NH : Jadi selama tertubuhnya Sekolah Kebangsaan Ayer Merah ni pernah tak berlaku apa-apa kejadian sebelum ni macam kemalangan ke, apa-apa kejadian ?**

CL : Berlaku masalah pertama, dulu banjir masuk air banyak, tahun setiap kali banjir sama ada sekolah lama, sekolah rakyat, sekolah baru, sekolah yang ketiga, sekolah yang keempat ni banjir pun tapi tinggi, bertingkat maka boleh dikatakan kawasan sekolah tu padang ke, bawah sekolah ke dimasuki oleh air banjir musim banjir, tapi yang paling teruk baru ini yang tahun dua ribu empat belas[2014] maka kawasan tu jadi tempat kawasan penuh dengan air tapi disekolah takda masalah, takda pun kebakaran Cuma di depan sekolah ni masa keluar balik ada berlaku kemalangan didepan jalan tu tapi tak sampai mati, cuma patah-patah je, ada satu kali saya ingat lepastu takda kerugian lain orang curi barang ke bilik computer ke takda, kita disini adanya tiga orang pekerja iaitu 'jaga' yang bergilir-gilir tiga[3] orang tu lepas tu tukang kebun, tukang sapu swasta, 'jaga' ni pun swasta yang zaman dulu hak kerajaan tapi pada hari ini kerajaan memikirkan mungkin kene pencen apa semua kena bayar pencen persaraan dia tu jadi sekarang ni dia ambil swasta tukang sapu, tukang kebun secara kontraknya swasta jadi tukang sapu ada dua[2] tukang kebun ada dua[2] jadi boleh dikatakan kawasan sekolah tu bersih nak kata amat bersih tu tidaklah tapi bersih, kalau banding dengan zaman saya-saya dulu kalau sekolah saya duduk dulu tukang kebun kerajaan pokok pun pokok bunga kadang-



kadang tinggal tiga[3] helai daun, jadi sekarang ni swasta ni amat baik cara swasta jadi boleh dikatakan kawasan sekolah semuanya amat bersih tidak seperti pekerja dibayar oleh zaman kerajaan dulu,

**NH :Jadi semasa berlaku banjir pada tahun dua ribu empat belas[2014] tu ada berlaku apa – apa kerosakan tak disekolah tu?**

**CL :**Saya rasa tidak ada sebabnya diorang pekerja ni pekerja swasta ni sama ada ‘jaga’ ,  
Tukang sapu atau tukang kebun dia ambil tahu semua jadi sebelum nak banjir tu diorang ni simpan awal-awal macam yang atas tu langsung tidak kena mengena dengan banjir  
cuma yang ada barang dibawah ni la tapi saya rasa tidak ada sebarang kerosakan

**NH :Jadi masa berlakunya kejadian banjir tu adakah pihak penduduk kampung pergi untuk sama-sama tolong untuk pindah angkat barang apa semua?**

**CL :**Pada musim banjir tu semua orang tak boleh nak jaga dah kawasan orang semua jaga  
Kawasan rumah masing-masing, seperti saya pun turun je jalan naik ke mari tak pergi  
kemana-mana jadi sini semua da tiga[3] tempat kawasan air melintas jalan, satu[1]  
dikawasan belakang rumah saya ni, satu[1] tempat lintas air yang kedua tengah jalan  
dekat rumah Ustaz Pein tu yang ketiga Klinik Ayer Merah, Klinik Ayer Merah tu tak  
kurang pada lapan[8] kaki air, jadi pada banjir tahun dua ribu empat belas[2014] saya

pun tak kira berapa kaki sebab saya pun tak pergi saya dirumah kenderaan pun kena pindah terpaksa kena jaga selalu, malam pun tak tidur kena jaga takut naik air malam ni barang-barang kita pun motosikal ni apa semua ada dirumah kalau sebulan la hujan sebulan la tak tidur jadi sebab tu la saya kalau nak hujan , saya baca yasin berkali-kali minta tuhan jauhkan tapi nasib pada tahun dua ribu empat belas[2014] cuma lantai saja bawah lantai, tak sampai ke lantai

**NH : Jadi dari segi ruangan guru lelaki dan perempuan disekolah tu adakah dia ditempatkan berasingan ke macam mana?**

**CL :** Masa dipejabat kita disekolah ni daripada dulu sampai sekarang ni kita tak ada Perbezaan sama ada guru laki-laki atau perempuan jadi kita buat satu kalau dalam bilik guru tu semua guru boleh duduk di situ Cuma ditempatkan satu kawasan ni kawasan orang ni jadi tidak ada khususnya bilik perempuan bilik laki-laki takda Cuma yang ada berasingan nya bilik guru besar, bilik PK1, PK2, PK KO, dan bilik perkerja-pekerja pejabat

**NH :Jadi selama pakcik berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Ayer Merah tu, apakah kenangan manis yang pakcik ingat? Boleh pakcik ceritakan**

**CL :** Saya tak lain tak bukan la saya masa tu nak pegi kursus dekat satu sekolah tu tak cukup bangunan jadi ajak orang kampung minta tolong cari kayu lepas tu Cina tu

bagi kayu lepastu minta tolong orang kampung buat, itulah bagi saya kenangan saya lepastu yang saya masih ingat lagi Menteri Keselamatan Negeri Dato' Mat Yaacob beliau sanggup datang bila tahu kita nak buat sukan itu yang saya ingat jadi orang kampung pun suruh dia minta saya carikan gajah lepastu orang tu datang kita pun buat jamuan makan, jamuan makan tu ada pitih(duit) sekolah ada jugak duit orang kampung dan sumbangan orang kampung jadi itu bukanlah kata jamuan sekolah guna duit sekolah saja tapi hari itu kita menjamu dengan roti dan sup tulang sebab untuk menjima tak bagi nasi cumanya hari yang mula-mula je kita bagi nasi, saya sembelih kambing seekor sebab nak beri makan pada 'Abe Mat' Menteri Besar.

**TAMAT BAHAGIAN D**

## **BAHAGIAN E: PESANAN DAN HARAPAN**

**NH :Okay kita pergi pada soalan bahagian yang terakhir, jadi apakah harapan pakcik terhadap Sekolah Kebangsaan Ayer Merah di masa hadapan?**

**CL :** Bagi harapan saya Sekolah Kebangsaan Ayer Merah ini bertambah maju dan apa ni minta-mintanya bertambah besar, sekolah tu untuk pembangunannya orang kata, bertambah baikla itulah harapan sayanya, sebab kita harini kita nak tengok yang elok taknak tengok yang bercelaru sebab kita nak tengok semuanya sekolah kita ni dengan keadaan sempurna samaada guru, pentadbir-pentadbir, pekerja-pekerja jadi satu Badan, satu kumpulan dengan sokongan cikgu besar itulah harapan saya, moga-moga kita dapat jalankan dngan sempurna, peralatan cukup, hanya kemampuan daripada guru je kemampuan dari guru bukan kata semuanya tak bagus, ada yang bagus tapi ada yang kurang sempurna begitu jugak dengan fardhu ain, ada yang bagus, ada yang kurang sempurna jadi kita banyaklah bertegur jugak pada sekolah baru-baru berlaku kesilapan kepada cucu saya sendiri, Bahasa Malaysia, pagi dia masuk peperiksaan ada kertas soalan, petang dia masuk peperiksaan takda kertas soalan maka cikgu tulis dia tak hadir jadi ibu dia beritahu saya jadi saya ambil tindakan.

**NH :Kita pergi pada soalan yang terahirilah, pada pendapat pakcik dengan terbinanya Sekolah Kebangsaa Ayer Merah ni dapat memenuhi keperluan pendidikan warga kampung sekitar?**

**CL :** Bagi saya amat cerah, kerana sekolah ini bertambah baik, bertambah maju, dan sekolah Sekolah yang baru, kelengkapan cukup, jadi saya tidak nampak dah kesusahan ibubapa nak hantar anak-anak ke sekolah sebab harini ibubapa sudah jadi guru, jadi pagi-pagi

kalau anak-anak pergi sekolah dia pun kena pergi sekolah jugak, kita tengok harini dulu anak-anak pergi sekolah, ibubapa kena masuk kebun, memotong getah, harini pagi-pagi dia hantar sesudah subuh tu dia hantar anak-anak ke sekolah baru balik bekerja jadi perubahan tu sudah ada, maka err... pembangunan kita pun sudah pesat jadi orang-orang sudah tahu bahawa pelajaran amat penting.

**NH : Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bangunan bersejarah bersama Cikgu Mad Lazim. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

**TAMAT BAHAGIAN E**

## **RUJUKAN**

## RUJUKAN

Mad junus,haji haron (2018,November 20). Temubual di Kampung Ayer Merah,  
Machang Kelantan. [temubual]

# LAMPIRAN



# **LOG WAWANCARA**

## LAMPIRAN 1: LOG WAWANCARA

### LOG WAWANCARA

En Mad Junus bin Haji Haron lebih mesra dikenali oleh rakan-rakan beliau serta masyarakat dengan panggilan Cikgu Lazim. Beliau dilahirkan di Kampung Ayer Merah Machang Kelantan pada tahun 1944. Beliau mempunyai *lima* [5] orang adik beradik. *Dua* [2] lelaki, *tiga* [3] perempuan. Beliau berstatus sudah berkahwin dan telah mempunyai *lima* [5] orang anak. *Dua* [2] *laki laki* [lelaki], *tiga* [3] perempuan hasil daripada perkahwinan bersama isteri beliau iaitu Meksom binti Junuh.

#### Bahagian 1: Latar Belakang

NO	MASA	SUBJEK	NAMA / TEMPAT / RUJUKAN
1.	2.10p.m	Dilahirkan di Kampung Ayer Merah, Machang Kelantan pada tahun1944.	En Mad Junus bin Haji Haron
2.	2.20 p.m	Ayah beliau ialah Haji Haron Bin Junuh	Bapa kepada En Mad Junus bin Haji Haron atau lebih dikenali sebagai Cikgu Lazim ialah Pengasas utama Bangunan Sekolah Kebangsaan Ayer Merah.
4.	2.25 p.m	Mempunyai <i>lima</i> [5] orang adik beradik, <i>dua</i> [2] lelaki dan <i>tiga</i> [3] perempuan	En Mad Junus bin Haji Haron
5.	2.35 p.m	Mempunyai <i>lima</i> [5] orang anak. <i>Dua</i> [2] <i>laki laki</i> [lelaki], <i>tiga</i> [3] perempuan	En Mad Junus bin Haji Haron

## Bahagian 2: Pendidikan

No	MASA	SUBJEK	NAMA / TEMPAT / RUJUKAN
6.	4.05 p.m	Bersekolah rendah di Sekolah Melayu Rakyat Ayer Merah.	Sekolah Melayu Rakyat Ayer Merah.  En Mad Junus bin Haji Haron
7.	4.10 p.m	Beliau sambung sekolah di Sekolah Kebangsaan Machang. Lepas itu, selepas habis darjah enam [6], Beliau masuk peperiksaan Section Malay. Lepas tu, Beliau pergi ke Sekolah Kami. Pasir Puteh.	Sekolah Kebangsaan Machang  Peperiksaan Section Malay  Sekolah Kami. Pasir Puteh.

### Bahagian 3: Bangunan

No.	MASA	SUBJEK	NAMA / TEMPAT / RUJUKAN
8.	4.15 p.m	Bangunan ini ialah bangunan Sekolah Melayu Rakyat Kuala Air Merah. Kemudian di ambil alih oleh kerajaan. Nama sekolah ditukar kepada Sekolah Umum.	Sekolah Melayu Rakyat Kuala Air Merah  Sekolah Umum  En Mad Junus bin Haji Haron
9.	4.45 p.m	Pengasas Sekolah Rakyat Ayer Merah ni ialah bapa kepada En Mad Junus bin Haji Haron iaitu Haji Haron Bin Junuh.	Sekolah Rakyat Ayer Merah  Haji Haron Bin Junuh  En Mad Junus bin Haji Haron
10.	5.00 p.m	En Haron bin Junuh iaitu bapa kepada En Mad Junus bin Haji Haron telah menyumbangkan sebidang tanah kepada orang Kampung Ayer Merah untuk dibina Sekolah Kebangsaan Ayer Merah.	En Haron bin Junuh  Sekolah Kebangsaan Ayer Merah  Kampung Ayer Merah  En Mad Junus bin Haji Haron
11.	5.15 p.m	Pada awal penubuhan sekolah ini dibina menggunakan daun Rembian sebagai atap dan buluh sebagai dinding serta berlantaikan tanah.	En Mad Junus bin Haji Haron

# DIARI KAJIAN

LAMPIRAN 2: DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
11.15 pg	12/09/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tugas menemuramah tokoh</li> <li>• Menerima tugas untuk menemuramah seorsng tokoh yang mempunyai banyak pengalaman tentang bangunan lama di Machang.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mula mencari tokoh untuk ditemuramah</li> </ul>
1.00 ptg	20/09/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbincangan bersama ahli kumpulan</li> <li>• Berbincang mencari tokoh yang sesuai untuk ditemuramah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memilih bekas Guru di Sekolah Kebangsaan Ayer Merah iaitu Mad Lazim bin Haji Haron.</li> </ul>
2.00 ptg	27/09/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghubungi tokoh kali pertama</li> <li>• Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk memohon persetujuan tokoh untuk menemuramah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses mendaapt maklumat mengenai latar belakang Tokoh</li> </ul>
11.00 pg	4/10/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pergi ke kampung tokoh untuk mencari tempat tinggal tokoh.</li> <li>• Menghantar lapora kepada pensyarah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokoh bersetuju untuk di temuramah pada 20 November 2018 pada pukul 3.00 petang di kediaman beliau.</li> </ul>
2.30 ptg	18/10/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berjumpa dengan pensyarah Pn. Nurul Anissa Binti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memulakan sesi temebual bersama</li> </ul>

		<p>Abdullah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat khidmat nasihat dari pensyarah dan meminta garis praduan bagi persediaan untuk menemuramah Tokoh.</li> <li>• Pensyarah memberi cenderemata kepada kami untuk berikan kepada Tokoh.</li> </ul>	<p>tokoh pada jam 02.56 minit petang dan berakhir pada pukul 05.34 minit petang</p>
25/10/2018	3.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pergi ke rumah tokoh untuk memberikan soalan yang akan di tanyakan kepada nya nanti di temuduga.</li> </ul>	
15/11/2018	2.30 petang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjumpaan ketiga tokoh untuk ditemuramah</li> <li>• Temuramah dijalankan di kediaman selama 2 jam 10 minit.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memulakan sesi temuramah bersama tokoh pada jam 02.56 minit petang dan berakhir pada 05.34 minit petang</li> </ul>
18/11/2018	2.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjumpaan ahli kumpulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mula mengagihkan tugas dan bahagian rakaman yang telah dibuat</li> </ul>
08.00 malam	20/11/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjumpaan bersama ahli kumpulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mula membuat transkrip</li> </ul>
12.00 tengah hari	24/11.2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjumpaan untuk draft yang pertama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar draft pertama untuk disemak</li> </ul>
4.00 petang	26/11/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berjumpa dengan pensyarah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat pembetulan untuk</li> </ul>

			draft yang pertama
08.30 malam	28/11/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjumpaan bersama ahli kumpulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyiapkan transkrip akhir sebelum diserahkan kepada pensyarah</li> </ul>
2.00 petang	08/12/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berjumpa dengan Nik Nurin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyerahkan transkrip akhir kepada Nik Nurin untuk proses penyelidikan transkrip.</li> </ul>
11.00 pagi	14/12/2018	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berjumpa dengan pensyarah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar tugas akhir kepada pensyarah untuk tujuan permarkahan.</li> </ul>



## **LAMPIRAN 3: SENARAI SOALAN**

### **SKRIPT PEMBUKAAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang Sekolah Kebangsaan Ayer Merah.

Bersama-sama kami ialah Cikgu Mad Lazim yang merupakan seorang guru di Sekolah Kebangsaan Ayer Merah.

Rakaman ini dijalankan pada tarikh 31 October 2018 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 2 petang bertempat di rumah kediaman Cikgu Mad Lazim

Temubual selama 2 jam ini dikendalikan oleh Nor Hidayah Binti Ludin dan juga Wan Agia Arissa Binti Wan Mhd Junnid. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

### **BAHAGIAN A : Latar Belakang**

1. Apa nama pakcik?
2. Apa nama panggilan pakcik?
3. Pakcik berasal dari mana?
4. Dimanakah pakcik dilahirkan?
5. Pada tahun berapa pakcik dilahirkan?
6. Berapakah umur pakcik?
7. Apakah nama ibu pakcik?
8. Apakah nama ayah pakcik?
9. Pakcik mempunyai berapa orang adik beradik?
10. Pakcik anak ke berapa daripada adik beradik pakcik?

11. Apakah nama isteri pakcik?
12. Adakah isteri pakcik bekerja?
13. Berapakah bilangan anak pakcik?
14. Adakah anak pakcik masih belajar atau sudah bekerja?
15. Apakah petua pakcik dalam mendidik anak – anak supaya berjaya dalam hidup mereka?

### **BAHAGIAN B : Sejarah Pendidikan**

16. Dimanakah pakcik bersekolah endah?
17. Pada tahun berapa pakcik tamat sekolah rendah?
18. Dimanakah pakcik bersekolah menengah?
19. Pada tahun berapa pakcik tamat sekolah menengah?
20. Adakah pakcik bergiat aktif disekolah?
21. Adakah pakcik pernah menyertai kelab atau persatuan semasa bersekolah?
22. Apakah pencapaian tertinggi pakcik semasa bersekolah?
23. Adakah pakcik bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum?
24. Apakah tips kejayaan pakcik dalam bidang akademik sehingga mencapai tahap yang membanggakan?

### **BAHAGIAN C : Pekerjaan Awal**

25. Apakah pekerjaan awal pakcik setelah tamat pengajian?
26. Berapa lamakah pakcik bekerja disitu?
27. Pada tahun berapa pakcik mula bekerja disitu?
28. Bermula pada tahun berapa dan sehingga tahun berapa pakcik berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Ayer Merah?

29. Selain dari pakcik, adakah adik beradik yang lain pernah berkhidmat di sekolah tersebut?
30. Apakah tugas yang paling berat dan mencabar bagi pakcik disepanjang berkhidmat sebagai guru disekolah tersebut?
31. Apakah kejayaan yang paling besar disepanjang berkhidmat sebagai guru di sekolah tersebut?
32. Adakah pakcik ada menggubal sebarang dasar-dasar baru semasa berkhidmat sebagai guru di sekolah tersebut?
33. Apakah asbab utama yang membuatkan pakcik ingin berkhidmat di sekolah tersebut?
34. Apakah sumbangan/pembaharuan yang pakcik bawakan disepanjang memegang jawatan sebagai guru disekolah tersebut?

#### **BAHAGIAN D : Maklumat Bangunan**

35. Apakah nama bangunan ini?
36. Pada tahun berapa bangunan ini ditubuhkan?
37. Siapakah pengasas bangunan ini?
38. Apakah hubungkait pakcik dengan pengasas bangunan ini?
39. Apakah sebab utama bangunan ini ditubuhkan?
40. Bagaimana boleh tercetusnya buah fikiran untuk menubuhkan bangunan ini?
41. Siapakah yang terlibat dalam membangunkan bangunan ini?
42. Adakah bangunan ini pernah dirasmikan ?
43. Pada tahun berapa bangunan ini dirasmikan?
44. Siapakah yang merasmikan bangunan ini?
45. Bagaimanakah bangunan ini dibina?
46. Pada awal penubuhan, bangunan ini mempunyai berapa tingkat?
47. Berapakah anggaran keluasan tapak sekolah ini pakcik?

48. Pada masa itu, berapakah bilik darjah yang ada pakcik?
49. Apakah sebab bangunan ini ditubuhkan berasaskan kayu pada awal penubuhannya?
50. Berapa lama masa yang diperlukan untuk menyiapkan pembinaan bangunan ini?
51. Adakah reka bentuk bangunan ini diilhamkan dari mana-mana sumber?
52. Pada tahun berapa bangunan ini diubahsuai daripada berdindingkan kayu kepada berdindingkan batu?
53. Apakah jenis keselamatan yang disediakan di bangunan ini? (Contoh : alat pemadam api, pili bomba, dll)
54. Bagaimanakah penerimaan penduduk terhadap penubuhan bangunan ini?
55. Semasa awal perancangan penubuhan sekolah ini, adakah mendapat tentangan (tidak bersetuju) daripada pihak lain?
56. Adakah nama Sekolah Kebangsaan Ayer Merah ini digunapakai sejak dari awal pembinaanya lagi?
57. Berapa kali nama ini pernah ditukar?
58. Pada tahun berapa nama sekolah ini ditukar kepada nama Sekolah Kebangsaan Ayer Merah?
59. Kenapakah nama ini ditukar kepada Sekolah Kebangsaan Ayer Merah?
60. Apakah objektif penubuhan Sekolah Kebangsaan Ayer Merah?
61. Apakah misi dan visi Sekolah Kebangsaan Ayer Merah?
62. Apakah hubungkait pakcik dengan Sekolah Kebangsaan Ayer Merah?
63. Adakah Sekolah Kebangsaan Ayer Merah pernah berpindah milik?
64. Pada tahun berapa Sekolah Kebangsaan Ayer Merah ini berpindah milik?
65. Siapakah yang mempersetujui cadangan Sekolah Kebangsaan Ayer Merah ini dipindah milik?

66. Adakah Pakcik orang pertama daripada keluarga En.Harun b.Junoh ini yang berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Ayer Merah?
67. Selain dari tapak Sekolah Kebangsaan Ayer Merah, apakah sumbangan lain yang diberikan oleh En.Harun b.Junoh kepada orang kampung?
68. Adakah En.Harun b.Junoh ada meletakkan apa-apa syarat sebelum beliau bersetuju untuk menyumbangkan tapak tanahnya untuk dijadikan Sekolah Kebangsaan Ayer Merah?
69. Pernahkah Sekolah Kebangsaan Ayer Merah mengalami perkembangan?
70. Dari aspek apakah perkembangan dilakukan? (contoh : bangunan, padang bola, pusat sumber, pertambahan murid dan guru, dll)
71. Pada awal penubuhan Sekolah Kebangsaan Ayer Merah, berapakah jumlah keseluruhan murid yang bersekolah dan guru yang berkhidmat di sekolah tersebut?
72. Di awal pembukaannya, berapakah jumlah matapelajaran ada di sekolah ini?
73. Siapakah pengetua sekolah pada masa itu?
74. Berapakah upah yang dibayar kepada guru yang berkhidmat di sekolah tersebut pada awal penubuhannya?
75. Pada tahun 2018, berapakah anggaran keseluruhan murid yang bersekolah dan guru yang berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Ayer Merah ini?
76. Pernahkah Sekolah Kebangsaan Ayer Merah menerima sebarang bantuan dari pihak luar semasa awal penubuhannya?
77. Jika ada, apakah bentuk sumbangan yang diterima?
78. Pada awal pembukaan sekolah tersebut, adakah murid yang ingin mendaftar dikenakan yuran? Berapa?
79. Berapah keluasan tapak Sekolah Kebangsaan Ayer Merah pada awal penubuhannya?
80. Adakah Sekolah Kebangsaan Ayer Merah mempunyai ibu pejabat?

81. Dimanakah terletak ibu pejabat tersebut?
82. Sebelum ditubuhkan Sekolah Kebangsaan Ayer Merah, apakah yang ada ditapak tersebut? (contoh : kebun, semak samun, dll)
83. Sudah berapa tahun Sekolah Kebangsaan Ayer Merah ini sudah berpoerasi?
84. Selama Sekolah Kebangsaan Ayer Merah ini ditubuhkan, pernahkah berlaku kejadian disekolah ini?
85. Jika pernah, boleh ceritakan secara ringkas kejadian tersebut?
86. Pernahkan sekolah tersebut mengalami bencana? (contoh : Banjir, ribut, dll)
87. Bagaimanakah penduduk mengatasi masalah tersebut?
88. Apakah setiap ruangan yang terdapat di sekolah tersebut mempunyai kelengkapan yang cukup? Contoh: kerusi,meja dll
89. Sekolah Kebangsaan Ayer Merah ini mempunyai berapa orang pekerja?
90. Boleh pakcik terangkan secara ringkas tugas – tugas pekerja tersebut?
91. Jika berlaku kerosakan di sekolah tersebut, siapakah yang bertanggungjawab membaikpulih kerosakan tersebut?
92. Apakah kerosakan yang pernah berlaku sebelum ini?
93. Adakah ruangan bagi guru lelaki dan guru perempuan berasingan?
94. Apakah kenangan manis disepanjang pakcik berkhidmat sebagai guru di Sekolah Kebangsaan Ayer Merah?

#### **BAHAGIAN D : Pesanan dan Harapan**

95. Apakah harapan pakcik terhadap Sekolah Kebangsaan Ayer Merah?
96. Apakah pandangan pakcik mengenai perkembangan Sekolah Kebangsaan Ayer Merah dari awal penubuhannya hingga kini?
97. Adakah pakcik berharap orang akan ambil tahu atau mengetahui tentang kewujudan sekolah tersebut?
98. Adakah pakcik berharap sekolah tersebut bertambah maju?

99. Apakah pembaharuan yang pakcik impikan di masa hadapan untuk memajukan lagi Sekolah Kebangsaan Ayer Merah?
100. Adakah pakcik mempunyai apa – apa pesanan kepada orang diluar sana terhadap sekolah tersebut?
101. Pada pendapat pakcik, adakah dengan terbinanya Sekolah Kebangsaan Ayer Merah ini dapat memenuhi keperluan pendidikan untuk warga kampung ?

### **SKRIPT PENUTUP**

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bangunan bersejarah bersama Cikgu Mad Lazim.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini.

Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.



## **LAMPIRAN 4: SURAT PERJANJIAN**



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya MAD JUNUS BIN HAJI HARGEN K/P: ..... pada  
20 NOVEMBER ..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh MAD JUNUS BIN )  
Tarikh: HAJI HARGEN

20 NOVEMBER 2018

(Nama pensyarah )  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

**PROFESOR MADYA DR HJ GHAZALI BIN OSMAN**  
Ketua Pusat Pengajian  
(Fakulti Pengurusan Maklumat Fakulti Sains Pentadbiran &  
Pengajian Polisi Dan Fakulti Undang-Undang  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
18500 Machang  
KELANTAN DARUL NAIM

# GAMBAR

## LAMPIRAN 5: GAMBAR



*Gambar Tokoh Cikgu Mat Lazim*

# INDEKS

# INDEKS

## A

Ayer ..... 2340

Atah.....1801

Atap.....2831

## B

Basikal lambat.....1543

## C

Cina Balok.....1831

Cangkol.....3615, 3620

Choh.....1548

## S

Salok.....2830

Sivik.....128,46

## L

Line.....13905

Lintas air....14806

## K

Kukur Kelapa.....1538

Komenis.....4450

## I

Ilmu Hisab.....12909

Ilmu Alam.....13019

## T

Tawarikh....12847

Tatarakyat.....12837

## J

Jawi.....1421